

**TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA CERAMAH DAN DIALOG GERAKAN
MAHASISWA : “PERANAN MAHASISWA GLOKAL KE ARAH NEGARA MAJU 2020”**

**TEMPAT:
KAMPUS INDUSTRI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TARIKH :
03 APRIL 2006**

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA CERAMAH DAN DIALOG GERAKAN MAHASISWA : “PERANAN MAHASISWA GLOKAL KE ARAH NEGARA MAJU 2020” PADA 03 APRIL 2006, JAM 8.00 MALAM BERTEMPAT DI KAMPUS INDUSTRI

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

Y.BHG DATO' MOHAMED AMIN BIN HJ. SALIH

KETUA PENGARAH JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA)

KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

Y.BHG DATUK OTHMAN BIN MOHAMED

PENGARAH JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA) NG. MELAKA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN)

TUANPUAN YANG DIHORMATI

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN BARISAN EXCO MPP,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM SEJAHTERA

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMANJANGKAN KESYUKURAN KITA KE HADRAT ILLAHI KERANA DI ATAS KUDRAT DAN IRADATNYA, DAPATLAH KITA BERSAMA-SAMA MENGHADIRKAN DIRI PADA MAJLIS CERAMAH DAN DIALOG "PERANAN MAHASISWA GLOKAL KE ARAH NEGARA MAJU 2020". SEMOGA MAJLIS INI MENDAPAT KEBERKATAN DAN KEREDHAAN DARI ALLAH S.W.T

SEKALUNG TAHNIAH DAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI DAN JABATAN HAL EHWAL (JASA), KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

SERTA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUTKM KERANA INISIATIF MENGADAKAN PROGRAM INI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SAYA PERCAYA PERBINCANGAN PADA HARI INI AKAN BERKISAR TENTANG PERSOALAN SIAPAKAH YANG DIMAKSUDKAN SEBAGAI MAHASISWA GLOKAL, APAKAH PERANAN YANG SEPATUTNYA DILAKUKAN OLEH MAHASISWA GLOKAL, APAKAH CABARAN DALAM MELAHIRKAN MAHASISWA GLOKAL DAN HARAPAN NEGARA KEPADA MEREKA PADA HARI INI DAN MASA DEPAN.

GLOKAL ADALAH PERKATAAN YANG DIPETIK DARIPADA UCAPAN YAB DATO' SERI NAJIB BIN TUN ABD RAZAK, TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA SEMASA MENYAMPAIKAN UCAPAN PERASMIAN SERENTAK PERSIDANGAN WANITA,

PEMUDA DAN PUTERI UMNO YANG LALU. IA DIAMBIL DARI DUA PERKATAAN IAITU GLOBAL DAN LOKAL. GLOBAL BERMAKSUD ANTARABANGSA, INTERNASIONAL DAN MENJANGKAU SELURUH DUNIA. MANAKALA LOKAL BERMAKSUD NASIONAL, TEMPATAN DAN DALAM NEGARA.

MAKA MAHASISWA GLOKAL BOLEH DIERTIKAN SEBAGAI MAHASISWA YANG MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT NASIONAL TETAPI MEMPUNYAI PEMIKIRAN YANG INTERNASIONAL. INI BERMAKNA MAHASISWA GLOKAL ADALAH MAHASISWA YANG HEBAT TIDAK SAHAJA DALAM NEGARA TETAPI JUGA PADA PERINGKAT ANTARABANGSA. MEREKA PERLU MEMPUNYAI KEKUATAN AGAMA, BUDAYA SERTA BERANI MENEROKA DUNIA YANG PENUH CABARAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

FORUM INI PERLU MENJADI LANDASAN TERBAIK BAGI MENYAMPAIKAN AGENDA KERAJAAN KEPADA MAHASISWA – MAHASISWI SUPAYA MEREKA BENAR-BENAR DAPAT MEMAHAMI DAN MENGHAYATI TUNTUTAN MASYARAKAT KEPADA MEREKA. MAHASISWA GLOKAL PERLU MATANG DALAM ASPEK PEMIKIRAN, DAYA KEPIMPINAN DAN KEMAHIRAN BERTINDAK BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MELANGKAH DENGAN GAGAHNYA KE ARAH NEGARA MAJU 2020.

MAHASISWA-MAHASISWI HARAPAN NEGARA PERLU DIPERKASAKAN DENGAN SIKAP DAN KETAHANAN MENTAL SUPAYA MEREKA MAMPU BERHADAPAN DENGAN CABARAN GLOBALISASI DAN MENGHARUNGI LIMPAHAN TEKNOLOGI YANG MENCABAR SURVIVAL MEREKA UNTUK MELANGKAH KE HADAPAN. MEREKA ADALAH MODAL INSAN YANG DIJANA OLEH KERAJAAN UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN AGAMA, BANGSA DAN

NEGARA. MEREKA PERLU MENJADI TENAGA KERJA YANG BERILMU, BERAKHLAK, BERKEMAHIRAN, BERDAYA SAING DAN BERDAYA TAHAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PENDIDIKAN TELAH MENJADI WADAH KEPADA KELANGSUNGAN NEGARA UNTUK MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG BERILMU. SEMUA LAPISAN MASYARAKAT TELAH DIBERI PELUANG OLEH NEGARA UNTUK MENDAPAT PENDIDIKAN YANG BERKUALITI.

MAHASISWA GLOKAL TIDAK SEHARUSNYA MUDAH BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PADA PERINGKAT SEKARANG. UNTUK MENJADI PEMIMPIN MASYARAKAT YANG MENDUKUNG DAN MENGGERAKKAN WAWASAN NEGARA, MAKA

MEREKA PERLU MENGAMALKAN PENDIDIKAN SEPANJANG HAJAT.

SELARAS DENGAN MATLAMAT PENUBUHAN KUTKM UNTUK MELAHIRKAN SUMBER TENAGA PROFESIONAL DALAM BIDANG TEKNIKAL YANG MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI, MAKA TELAH MENJADI TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI UNTUK MELAHIRKAN MAHASISWA GLOKAL KE ARAH NEGARA MAJU YANG DICITA-CITAKAN.

KEINTELEKTUALAN MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM PERLU DIGANDAKAN BAGI MENJADIKAN MEREKA TIDAK SAHAJA TERBAIK DI DALAM NEGARA MALAHAN JUGA PADA PERINGKAT ANTARABANGSA. MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM PERLU LEBIH KREATIF UNTUK MENJADI MASYARAKAT PENCIPTA DAN BUKAN SEKADAR MASYARAKAT PENGGUNA SEBAGAI PRASYARAT UNTUK MENJADI MAHASISWA GLOKAL YANG

MENGERAKKAN KEMAJUAN NEGARA
TERUTAMANYA DALAM SEKTOR PERINDUSTRIAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PIHAK UNIVERSITI AKAN SENTIASA MEMBERI
PERHATIAN DALAM MEMBENTUK MAHASISWA-
MAHASISWI KUTKM SUPAYA MEREKA MENJADI
GRADUAN YANG AKAN MENYUMBANG KEPADA
PEMBANGUNAN NEGARA BAGI MENCAPAI
MATLAMAT WAWASAN 2020. PENEKANAN
PEMBANGUNAN DIRI MANAHSISWA-MAHASISWI
TIDAK SAHAJA AKAN TERTUMPU DALAM ASPEK
AKADEMIK SAHAJA TETAPI JUGA PEMBANGUNAN
SAHSIAH.

PENGGABUNGAN DAN KESEIMBANGAN INI
PENTING BAGI MELAHIRKAN MAHASISWA GLOKAL
YANG DIINGINKAN OLEH NEGARA BAGI

MENYUMBANG BAKTI KEPADA KEMAKMURAN
NEGARA DALAM ASPEK POLITIK, EKONOMI DAN
SOSIAL. IA AKAN MENJADIKAN MAHASISWA-
MAHASISWI KUTKM MAMPU BERSAING PADA
PERINGKAT ANTARABANGSA TANPA
MENCEMARAKAN NILAI-NILAI KEAGAMAAN, BUDAYA
DAN ADAT KETIMURAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI
UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH
KEPADA JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA) YANG
SUDI MENJAYAKAN PROGRAM INI. DIHARAPKAN
PROGRAM INI AKAN MEMBERIKAN MANFAAT
KEPADA SEMUA PIHAK.

SAYA JUGA BERHARAP SEMOGA MAHASISWA-
MAHASISWI KUTKM AKAN MENJADI MAHASISWA